

Headline **Semantik, teknologi pintar pencarian maklumat**  
Date **11. Dec 2008** Language **MALAY**  
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **13**  
Section **Megabait** Article Size **333** cm2  
Circulation **238082** Frequency **Daily**  
Readership **833287** Color **Full Color**  
AdValue **10233.37**



# Semantik, teknologi pintar pencarian maklumat



DATUK ABDUL WAHAB ABDULLAH

MOHAMMAD YASIR JAAFAR

**M**ALAYSIA bakal melakar sejarah dengan menerajui pembangunan dalam pengusahakan perkembangan industri teknologi Semantik global.

Ini kerana, Mimos Berhad (Mimos), organisasi pembangunan dan penyelidikan teknologi negara kini sedang mengusahakan platform Semantik Web 3.0 yang pertama di dunia sekali gus menerajui salah satu cabang teknologi dalam lingkungan industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Namun, apa yang lebih pasti adalah hasil daripada penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dijalankan selama dua setengah tahun itu serta kerjasama beberapa pihak termasuk penggiat industri, telah berjaya membuka dimensi baru terhadap penggunaan web terkini.

Menariknya, penerapan teknologi Semantik kepada kehidupan seharian membolehkan individu persendirian sehingga ke semua cabang industri

untuk memanfaatkannya

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Mimos, Datuk Abdul Wahab Abdullah, teknologi Semantik merupakan aliran terkini arus pembangunan dunia web.

"Platform tersebut merupakan teknologi pintar dan perkhidmatan

pencarian data yang menjangkau lebih daripada keupayaan sebelumnya.

"Lebih membanggakan, ia bukan sahaja dapat dimanfaatkan oleh individu persendirian, malah memberi banyak kelebihan kepada pelbagai cabang industri," katanya ketika sidang akhbar Simposium Teknologi Semantik yang diadakan di ibu pejabat Mimos baru-baru ini.

Kehadiran platform tersebut membuka nafas baru kepada pelbagai cabang industri dalam menelaah data dari laman web.

Buat masa ini, penggunaan platform semantik 3.0 telah diuji kaji dan diselarakan terhadap beberapa industri termasuk perniagaan dan kewangan, pertanian, perubatan, automotif dan juga keselamatan awam.

Tambah Abdul Wahab, antara kelebihan teknologi tersebut adalah ia menawarkan fleksibiliti dari segi mencari data secara pintar.

"Sebagai contoh, bagi sektor pertanian, sekiranya seseorang itu ingin mencari maklumat tentang penanaman tomato, ia secara pintarnya akan memberikan data yang lebih tepat berbanding mencari maklumat daripada

enjin carian sebelum ini.

"Ini kerana, sekiranya kita menaip tomato pada enjin carian, keputusannya yang diperolehi tidak selalunya tepat dan hasil carian mungkin menjadi terlampau luas mengenai penanaman tomato," ujar beliau.

Tambah beliau, sekiranya seseorang itu menaip menggunakan kata carian ia akan mengemukakan segala benda di dunia ini yang berkaitan tomato termasuk resipi makanan, nama kedai dan pelbagai carian yang bersangkutan paut dengan tomato.

Bagaimanapun, jelas beliau, menerusi teknologi semantik yang dibangunkan itu, ia akan memberi jawapan yang tepat dalam lebih spesifik seperti cara penanaman, cara pembenihan dan segala maklumat yang diperlukan dalam tanaman tomato.

Justeru, kehadiran teknologi semantik ini, pengguna akan berupaya untuk menikmati pengalaman web terbaru yang lebih teratur, komprehensif dan versatil.

Ini bukan sahaja memudahkan orang ramai untuk mencari maklumat yang diperlukan malah menyediakan landasan yang terbaik kepada pelbagai cabang industri.